

Jakmas Kolej Kediaman E jayakan Kursus Etika dan Protokol

UB 27-03-2017 A6

KOTA KINABALU: Exco Perhubungan Korporat Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Kolej Kediaman E, Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya menganjurkan Kursus Etika dan Protokol di Kompleks Dewan Kuliah Pusat Ke-2,

baru-baru ini.

Menurut Pengarah Program Siti Irra Shahirah Mohd Yasin kursus sehari itu bertujuan memperkasa kesedaran etika dan protokol yang merupakan salah satu kemahiran insaniah penting untuk dikuasai para

mahasiswa.

“Ia bagi memberi pendedahan dan mengajar siswa-siswi agar mengetahui dengan lebih jelas sekali gus mematuhi etika dan protokol sesuatu majlis dan memudahkan mereka dalam mengangkat sebarang


program,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurut beliau kursus itu telah diisi dengan slot ceramah penyediaan minit mesyuarat, penulisan berita, slot penyediaan ‘banner’, gegantung dan poster serta slot ceramah penulisan

surat rasmi dan pengurusan majlis.

Siti Irra berkata setiap slot disampaikan penceramah jemputan yang ditaris Pegawai Psikologi Bahagian Sumber Manusia Carrie Grace Jaymess, Ketua Sektor Komunikasi Strategik Bahagian Perhubungan Korporat (BPK) Che Hasruddin Che Hasan, Pereka Kanan BPK Azmawati Amarasikin serta Kurator BPK Mohd Hilmey Saili.

Kursus itu disertai 75 peserta daripada ahli Jakmas, Majlis Ketua-Ketua Sekretariat (MKKS), Majlis Ketua-ketua Blok (MKKB), Majlis Ketua-ketua Kelab (MKKK) dan pelajar Kolej Kediaman E.



PARA peserta kursus merakamkan gambar kenangan.